MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

NO. SOALAN : 194

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perkembangan terkini RTC Sarawak Sibuti dan mengapakah perkhidmatan perbankan kaunter dan mesin ATM di RTC tersebut masih belum dimulakan dan bilakah RTC Sarawak Sibuti dijangka akan dirasmikan oleh Perdana Menteri.

257

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RTC Sarawak Sibuti telah membuka perkhidmatannya sejak bulan Januari 2015 lalu. Pada waktu ini, Agro Bank telah memulakan operasinya sejak pertengahan April 2015 dan kerja-kerja untuk menempatkan sebuah *automated teller machine* (ATM) dan *cash deposit machine* (CDM) milik bank tersebut bersama sebuah ATM milik Bank Rakyat sedang dalam kerja-kerja ubahsuai. Kos ubahsuai dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kementerian.

Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini dalam proses persediaan untuk merasmikan RTC Sarawak dan sedang menunggu ketetapan tarikh daripada Pejabat Perdana Menteri.